GARIS PANDUAN PENULISAN DISERTASI & PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN BAGI PROGRAM SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN

SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN

GARIS PANDUAN PENULISAN DISERTASI & PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN

1. Pra Syarat
    - Tiada

2. Pelajar boleh memilih salah satu:
    - AAR60320 Projek Pengajian Persembahan. Pelajar boleh memilih salah satu dari projek berikut:

      Pilihan 1 : Karya kreatif dan Disertasi Projek Pengajian Persembahan (Karya kreatif)

      Pilihan 2 : Projek advokasi dan Disertasi Projek Pengajian Persembahan (Advokasi)

      ATAU

    - AAR60220
      Disertasi

3. Keperluan Projek Advokasi dan Karya Kreatif
    - Lokasi (Mengikut konsep dan keperluan persembahan)
    - Jangka Masa (Mengikut keperluan persembahan)
    - Pemilihan lokasi, Dana Projek dan pendokumentasian adalah tanggunjawab pelajar

PILIHAN 1: KARYA KREATIF DAN DISERTASI PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN (D3P)

STRUKTUR	BUTIRAN
Kertas Cadangan & Pembentangan	Penulisan Bab 1 dan Bab 2
Karya Kreatif	Teks Persembahan yang dihasilkan berdasarkan proses penciptaan kreatif dan kritis
Disertasi Projek Pengajian Persembahan (D3P)	Rangkuman dari keseluruhan kertas cadangan yang telah dimurnikan dan mengikut format yang disediakan oleh fakulti. D3P ialah penciptaan yang di dokumentasi dalam bentuk disertasi. D3P juga menjelaskan tentang kajian dalam penulisan akademik dan idea/konsep, latar belakang dan proses penciptaan. Penulisan tidak kurang dari 15,000 patah perkataan.

Kertas Cadangan ini perlu mempunyai isi kandungan seperti berikut:

1. Bab 1
    - Abstrak
    - Pengenalan/Latar Belakang
    - Inspirasi/ Motivasi
    - Matlamat Penciptaan
    - Objektif Penciptaan
    - Kontekstualisasi Topik
    - Imaginasi dan Idea Penciptaan

2. Bab 2
    - Ulasan Karya Kreatif
    - Kajian Literatur
    - Kajian Karya Kreatif
    - Keaslian Ciptaan

STRUKTUR DISERTASI PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN (KARYA KREATIF)

Abstrak

Bab 1: Pengenalan/Latar Belakang

Inspirasi/Motivasi
Matlamat Penciptaan
Objektif Penciptaan
Kontekstualisasi Topik
Imaginasi dan Idea Penciptaan

Bab 2: Kajian Literatur dan Karya Kreatif

Kajian Literatur
Kajian Karya Kreatif
Keaslian Ciptaan

***Bab 3: Konsep Penciptaan**

Landasan Teori Penciptaan
Konseptualisasi Idea Penciptaan
atau
Konseptualisasi Idea Penciptaan
Landasan Teori Penciptaan

***Bab 4: Proses Kreatif dan Perkembangan Konsep**

Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan
Pendekatan Penciptaan

Bab 5: Deskripsi Karya Kreatif

Pembentukan Karya
Struktur Karya
Program Persembahan
Persembahan Karya

Bab 6: Refleksi dan Rumusan

Refleksi
Rumusan

Rujukan
Lampiran

****Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 bergantung pada proses penciptaan karya kreatif pelajar***

STRUKTUR DISERTASI PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN (KARYA KREATIF)

Abstrak

Bab 1: Pengenalan/Latar Belakang

1.1 Inspirasi/Motivasi

Perkara-perkara yang bertitik tolak dari fenomena yang menjadi latar belakang penciptaan serta mampu mewujudkan motivasi dan keterujaan kreatif dalam menghasilkan idea penciptaan.

1.2 Matlamat Penciptaan

Sasaran utama yang ingin dicapai daripada karya kreatif ini. Dinyatakan dalam pernyataan yang padat dan menyeluruh.

1.3 Objektif Penciptaan

Objektif yang ingin dicapai dalam penciptaan karya kreatif sama ada dari sudut intrinsik atau ekstrinsik penciptaan. Disenaraikan secara jelas dan khusus.

1.4 Kontekstualisasi Topik

Penerangan menggunakan definisi yang jelas terhadap topik yang berkaitan untuk mengukuhkan pandangan tersendiri berdasarkan pandangan lain semasa proses penyelidikan bagi mengelak salah faham terhadap topik utama penciptaan yang ingin disampaikan melalui istilah-istilah tertentu.

1.5 Imaginasi Idea Penciptaan

Penggambaran tentang idea penciptaan dalam bentuk tidak konkrit berdasarkan kekuatan intuisi dan pengalaman artistik. Penggambaran idea tersebut tidak bersifat tetap tetapi boleh berubah dan berkembang sesuai dengan daya imaginasi pengkarya sepanjang proses penciptaan.

Bab 2: Kajian Literatur dan Karya Kreatif

2.1 Kajian Literatur

Tinjauan terhadap beberapa literatur yang berkaitan secara langsung mahupun tidak langsung dengan topik penciptaan.

2.2 Kajian Karya Kreatif

Tinjauan terhadap beberapa karya kreatif yang berkaitan dengan idea/konsep penciptaan secara langsung mahupun tidak langsung.

2.3 Keaslian Ciptaan

Penjelasan terhadap ciri keaslian yang ada pada karya kreatif berdasarkan perbandingan yang telah dibuat semasa Kajian Karya Kreatif.

***Bab 3: Konsep Penciptaan**

3.1 Konseptualisasi Idea Penciptaan

Usaha untuk merumuskan idea penciptaan hingga mewujudkan sebuah konsep penciptaan baharu.

3.2 Landasan Teori Penciptaan

Teori yang menjadi dasar dan digunakan untuk mengembangkan konsep penciptaan baharu.

***Bab 4: Proses Penciptaan Karya Kreatif**

4.1 Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan

Kaedah yang bersesuaian dengan prosedur akademik dalam pengumpulan maklumat berkaitan penciptaan karya kreatif.

4.2 Pendekatan Penciptaan

Langkah tertentu yang dijalankan sebagai usaha untuk mewujudkan idea dan konsep penciptaan menggunakan teknik penciptaan sedia ada atau baharu. Bahagian ini perlu dijelaskan secara bertahap dan terperinci.

Bab 5: Deskripsi Karya Kreatif

5.1 Pembentukan Karya

Penjelasan tentang bentuk karya secara keseluruhan.

5.2 Struktur Karya

Penjelasan tentang susunan bentuk karya secara khusus berdasarkan elemen karya kreatif.

5.3 Program Persembahan

Penjelasan tentang urutan produksi karya kreatif secara keseluruhan.

Bab 6: Refleksi dan Rumusan

6.1 Refleksi

6.2 Rumusan

Rujukan

Mengikut format APA secara konsisten.

Lampiran

Bahan-bahan yang tidak dimasukkan dalam teks (catatan temu bual, gambar-gambar, surat-surat, sijil-sijil dan lain-lain).

****Penyusunan Bab 3 dan Bab 4 bergantung pada proses penciptaan karya kreatif pelajar***

PILIHAN 2: PROJEK ADVOKASI DAN DISERTASI PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN (D3P)

STRUKTUR	BUTIRAN
Kertas Cadangan & Pembentangan	Penulisan Bab 1 dan Bab 2
Projek Advokasi	Teks persembahan yang dihasilkan berdasarkan proses advokasi kritis dan kreatif.
Disertasi Projek Pengajian Persembahan (D3P)	Rangkuman dari keseluruhan kertas cadangan yang telah dimurnikan dan mengikut format yang disediakan oleh fakulti. D3P ialah projek advokasi yang melibatkan komuniti terpilih yang di dokumentasi dalam bentuk disertasi. D3P juga menjelaskan tentang kajian dalam penulisan akademik dan idea/konsep, latar belakang dan proses advokasi. Penulisan tidak kurang daripada 15,000 patah perkataan.

Kertas Cadangan ini perlu mempunyai isi kandungan seperti berikut:

1. Bab 1: Pengenalan/Latar Belakang
    - Abstrak
    - Latar belakang
    - Isu/Permasalahan
    - Matlamat
    - Objektif
    - Batasan Projek
    - Signifikasi
    - Definisi Operasional

2. Bab 2: Kajian Literatur dan Karya Kreatif
    - Kajian Literatur dan Karya Kreatif
    - Kajian Karya Kreatif

STRUKTUR DISERTASI PROJEK PENGAJIAN PERSEMBAHAN (PROJEK ADVOKASI)

Abstrak

Bab 1: Pengenalan/Latar Belakang

Latar belakang

Gambaran umum tentang kajian yang akan dilaksanakan. Maklumat awal yang menunjukkan bahawa kajian ini adalah perlu dijalankan dan signifikan

Isu/Permasalahan

Isu / Permasalahan perkara yang bertolak dari fenomena yang menjadi latar belakang penyelidikan serta mampu mewujudkan keterujaan kritis dalam menilai idea

Matlamat

Sasaran utama yang ingin dicapai daripada projek advokasi ini. Dinyatakan dalam pernyataan yang padat dan menyeluruh

Objektif

Objektif yang ingin dicapai dalam projek advokasi sama ada dari sudut intrinsik atau ekstrinsik. Disenaraikan secara jelas dan khusus.

Batasan Projek

Batasan melibatkan skop yang khusus untuk komuniti, lokasi serta definisi tertentu. Ia bukan melibatkan masalah yang dihadapi oleh penyelidik.

Signifikasi

Penjelasan tentang kepentingan projek advokasi untuk komuniti terpilih.

Definsi Operasional

Menjelaskan konsep utama yang digunakan dalam kajian.

Bab 2: Kajian Literatur dan Karya Kreatif

Kajian Literatur

Tinjauan terhadap beberapa literatur yang berkaitan secara langsung mahu pun tidak langsung dengan projek advokasi.

Landasan Teori

Teori yang menjadi dasar dan digunakan untuk mengembangkan konsep projek advokasi.

Bab 3: Metodologi

Pendekatan Advokatif

Pendekatan advokatif yang bertumpu kepada komuniti yang terpilih merujuk kepada prosedur projek advokatif.

Prosedur Projek Advokasi

Disesuaikan dengan situasi dan keadaan yang dijumpai oleh pelajar dan berkemungkinan menggunakan istilah yang berkaitan dengan komuniti yang terpilih tersebut.

Bab 4: Perbincangan Perlaksanaan Projek Advokasi

Aplikasi Prinsip Advokasi

Mengaplikasi **LIMA** Prinsip Advokasi dalam menjalankan kajian (Rujuk)

Daly, J. (2012). *Advocacy: Championing ideas and influencing others*. New Haven, CT: Yale University

Maklum Balas Komuniti

Mendapat maklum balas daripada komuniti terpilih dan mengambil tindakan sewajarnya.

Bab 5: Refleksi, Rumusan dan Cadangan

Refleksi

Pernyataan fikiran dalam bentuk tulisan dan percakapan

Rumusan

Ringkasan tulisan dan perbincangan dalam bab

Cadangan

Memberikan cadangan konstruktif untuk komuniti terpilih

Rujukan

Mengikut format APA secara konsisten.

Lampiran

Bahan-bahan yang tidak dimasukkan dalam teks (catatan temu bual, gambar-gambar, surat-surat, sijil-sijil dan lain-lain).

PILIHAN 3: DISERTASI PENGAJIAN PERSEMBAHAN (D3P)

STRUKTUR	BUTIRAN
Kertas Cadangan & Pembentangan	Penulisan Bab 1 sahaja
Disertasi Pengajian Persembahan	Laporan kajian akademik yang secara umumnya mempunyai bab-bab tertentu menggunakan pendekatan kritis dan kreatif. Penulisan antara 20,000 hingga 40,000 patah perkataan.

Kertas Cadangan ini perlu mempunyai isi kandungan seperti berikut:

1. Abstrak
   Bab 1: Pendahuluan
   - Latar Belakang Fenomena
   - Isu dan Permasalahan
   - Objektif
   - Metodologi
   - Kajian Literatur
   - Landasan Teori
   - Subjek Kajian
   - Batasan Kajian
   - Lokasi Kajian
   - Definisi Istilah
   - Ortografi

STRUKTUR DISERTASI PENGAJIAN PERSEMBAHAN

Abstrak

Bab 1: Pendahuluan

Latar Belakang Fenomena
Isu dan Permasalahan
Objektif
Metodologi
Kajian Literatur
Landasan Teori
Subjek Kajian
Batasan Kajian
Lokasi Kajian
Definisi Istilah
Ortografi

***Bab 2: Dapatan Kajian**

Perbincangan Dapatan Kajian

Bab 3: Perbincangan dan Rumusan

Perbincangan
Rumusan
Penutup

Rujukan

Mengikut format APA

Lampiran

****Jumlah Bab Dapatan Kajian adalah bergantung kepada jumlah objektif kajian.***